

28/03/1997

Hubungan pulih bila kemarahan reda: PM (HL)

Mahfar Ali; Izman Ismail; Fazli Abdullah

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin hubungan Malaysia-Singapura akan pulih seperti biasa selepas rakyat dapat melupakan kekecewaan akibat penghinaan republik itu terhadap Johor.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak melihat sebarang masalah besar berhubung isu itu kerana memang lumrah bagi negara yang berjiran, ada perbezaan tertentu dari semasa ke semasa.

"Tetapi, seperti yang sudah kami nyatakan, perasaan ini akan dapat diatasi," katanya dalam sidang akhbar di Kelab Wartawan Kebangsaan Jepun sempena lawatan rasminya ke sini, hari ini. Kira-kira 200 wartawan asing termasuk dari Singapura hadir dalam sidang akhbar itu.

Beliau diminta mengulas perkembangan berhubung kenyataan afidavit Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, yang menyifatkan Johor sebagai tempat tidak selamat kerana sering berlaku rompakan, tembak menembak dan rampasan kereta.

Kenyataan itu mencetuskan kemarahan rakyat dan kerajaan. Berikutan itu, Lee meminta maaf secara terbuka dan mengarahkan peguamnya menarik balik perkataan yang menghina Johor daripada afidavitnya.

Mengenai laporan yang menyebut Kabinet membuat keputusan membekukan semua urusan dua hala yang baru dengan Singapura semalam, Dr Mahathir berkata, beliau perlu mendapat penjelasan lanjut kerana sewaktu Kabinet membuat keputusan, beliau tidak berada dalam negara.

"Mereka mungkin mempunyai sebab yang baik dan saya perlu mengetahuinya sebelum memberi penjelasan," katanya.

Laporan berhubung keputusan Kabinet semalam turut disiarkan di muka depan akhbar berbahasa Inggeris di sini, The Japan Times. Akhbar itu memetik laporan agensi Associated Press (AP) dari Kuala Lumpur.

Di KUALA LUMPUR, Pemangku Menteri Luar, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, berkata mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, tidak membuat sebarang keputusan untuk membekukan hubungan dengan Singapura.

Beliau menjelaskan, mesyuarat itu hanya membincangkan beberapa isu mutakhir membabitkan hubungan di antara Malaysia dengan Singapura. Sehubungan itu, katanya, laporan yang menjadi tajuk utama sebahagian besar akhbar tempatan hari ini kurang tepat.

"Apa yang dimaksudkan ialah kerajaan sedang mengkaji kesan isu itu terhadap perhubungan dua hala dengan Singapura berikutan kenyataan Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew mengenai Johor dan reaksi Kerajaan Singapura terhadap kenyataan itu.

"Tidak ada keputusan yang dibuat untuk membekukan hubungan dengan Singapura seperti dilaporkan oleh akhbar tempatan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Beberapa akhbar hari ini, dengan memetik sumber-sumber dan beberapa menteri melaporkan di muka depan, Kabinet memutuskan untuk menanggung semua urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perkembangan terkini berhubung kenyataan Lee yang menghina Johor.

Bername yang memetik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata keputusan itu membabitkan segala urusan baru atau yang sedang dirancang untuk dilaksanakan terutama yang membabitkan urusan kerajaan dengan kerajaan.

Minggu lalu, Kabinet ketika mengumumkan menerima permohonan maaf Lee Kuan Yew, menyatakan pemulihan semula perhubungan ke tahap dahulu akan

mengambil masa.

Dr Mahathir pula, Isnin lalu berkata, kerajaan tidak bercadang mengenakan syarat luar biasa kepada Singapura sebaliknya berpegang kepada keputusan Kabinet itu.

Lee dalam kenyataan afidavitnya kepada mahkamah di Singapura baru-baru ini, menyifatkan Johor sebagai tempat tembak-menembak, samun-menyamun dan merampas kereta.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu menjelaskan Kabinet hanya membuat keputusan menangguhkan dua perkara iaitu mengenai sukan dan kebudayaan yang membabitkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Belia dan Sukan.

Katanya, ia tidak membabitkan kementeriannya. Sehubungan itu, katanya, pembinaan jambatan menghubungkan Tanjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura sejak beberapa tahun lalu, diteruskan.

"Perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat jemaah menteri semalam ialah mengenai sukan dan kebudayaan manakala kementerian lain tidak terbabit," katanya selepas melawat kerja pemindahan dan penukaran paip air berhampiran Empangan Klang Gate, Hulu Klang, dekat sini.

(END)